



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

Tingkat 11, Menara TH Perdana
1001, Jalan Sultan Ismail
50250 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel : +603-2612 5600
Fax : +603-2612 5620
Portal rasmi: www.suhakam.org.my
Email: humanrights@suhakam.org.my

Ruj. Kami : SHM.005/5/4/2023(18)
Tarikh : 5 Julai 2023

Encik Gurvir Singh Sandu

Presiden

The Advocates Association of Sarawak

The Bar Room

Melalui Emel: aascentral2018@gmail.com

Jalan Gersik, Petra Jaya

gurvirsinghs@yahoo.com

93050 Kuching

davidteo.aasmiri@gmail.com

Kompleks Mahkamah Kuching

Sarawak.

Tuan,

**MEMOHON HEBAHAN PENCARIAN PANEL PEGUAM BAGI SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA
MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk,

2. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) merupakan Institusi Kebangsaan Hak Asasi Manusia yang ditubuhkan melalui Akta SUHAKAM 1999 [Akta 597]. Sebagai sebuah badan berkanun, SUHAKAM mempunyai tanggungjawab dan peranan untuk memastikan hak asasi manusia di Malaysia dapat terus dilindungi dan dimajukan.
3. SUHAKAM mempunyai kuasa dan mandat untuk memupuk kesedaran hak asasi manusia, menasihati kerajaan mengenai aduan yang diterima serta mengesyorkan apa-apa langkah yang sesuai. Walaupun begitu, SUHAKAM terhalang dengan Seksyen 12(2) Akta 597 untuk menyiasat apa-apa pelanggaran hak asasi manusia yang sedang di dalam prosiding mahkamah atau telah diputuskan secara muktamad oleh mana-mana mahkamah.
4. Sehubungan itu, SUHAKAM secara aktifnya menjalankan *watching brief* di Semenanjung Malaysia bagi memastikan SUHAKAM dapat secara efektifnya memantau perbicaraan di Mahkamah bagi isu melibatkan pelanggaran hak asasi manusia di Mahkamah. Kini, Mahkamah juga terbuka untuk menjemput SUHAKAM untuk memajukan pendapat di dalam isu hak asasi manusia.
5. Ternyata, pelaksanaan *watching brief* memberikan impak yang positif dan membuka peluang kepada SUHAKAM untuk mendapatkan maklumat secara langsung mengenai kes yang dipantau. Oleh itu, SUHAKAM ingin melaksanakan kaedah yang sama di Sarawak juga. SUHAKAM membuka peluang kepada para peguam yang merupakan ahli kepada *The Advocates Association of Sarawak* untuk bersama-sama menyertai panel peguam SUHAKAM.

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”

“Human Rights For All”

SUHAKAM membuka peluang kepada para peguam yang merupakan ahli kepada *The Advocates Association of Sarawak* untuk bersama-sama menyertai panel peguam SUHAKAM.

6. SUHAKAM menubuhkan panel peguam sebagai satu pangkalan data yang mengumpulkan maklumat mengenai peguam dan lokasinya. Pangkalan data ini akan memudahkan SUHAKAM di dalam pencarian peguam yang bersesuaian apabila terdapat keperluan untuk menjalankan *watching brief*.


7. Khas kepada para peguam yang menyertai berdaftar sebagai panel peguam sahaja, mereka akan dijemput untuk menyertai program-program SUHAKAM seperti Hari Hak Asasi Manusia, Hari SUHAKAM serta majlis penghargaan panel peguam. Selain itu, para peguam juga akan menerima kalendar, diari dan laporan tahunan SUHAKAM.

8. Besarlah harapan SUHAKAM agar pihak Tuan boleh membantu untuk membuat hebahan kepada para ahli tentang perkara ini. Mana-mana peguam yang berminat untuk menyertai sebagai panel peguam bolehlah mengisi borang di pautan ini: <https://forms.gle/3bzRSW2AMGwcTuAU6>.

9. Bagi sebarang komunikasi lanjut berhubung permohonan hebahan ini, pihak Tuan boleh menghubungi pegawai Suruhanjaya, Puan Sarah Adibah Hamzah di talian 03-26125679 atau email sarah@suhakam.org.my. Kerjasama pihak Tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



(DR CHEAH SWEE NEO)

Setiausaha

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia